

## **BAB ENAM**

### **ANALISIS KONTRASTIF SISTEM FONETIK DAN FONOLOGI BAHASA MELAYU DAN BAHASA PERANCIS**

#### **6.0. PENDAHULUAN**

Dalam bab ini, perbandingan selari antara sistem fonetik dan fonologi kedua bahasa, iaitu BM dan BP akan dibuat. Fonem vokal, fonem konsonan, rangkap vokal dan rangkap konsonan akan dibandingkan dari segi jumlah, jenis dan penyebarannya dalam kedua-dua bahasa. Hasil daripada perbandingan ini dapat memperlihatkan persamaan dan perbezaan antara sistem fonetik dan fonologi BM dan BP. Persamaan dan perbezaan yang wujud antara kedua-dua bahasa dapat digunakan untuk meramalkan masalah yang mungkin dihadapi oleh para pelajar Melayu apabila mempelajari BP.

Ahli-ahli Analisis Kontrastif (AK) telah mencadangkan beberapa kaedah bagi menganalisis data untuk tujuan analisis kontrastif. Contohnya, Ellis (1994:17) menyenaraikan empat langkah yang perlu diambil di dalam menjalankan AK. Langkah-langkah tersebut adalah:

- a. huraian aspek bahasa yang dipilih
- b. pemilihan aspek bahasa yang hendak dikaji
- c. perbandingan terhadap aspek bahasa-bahasa yang dipilih
- d. ramalan masalah yang mungkin boleh menyebabkan kesilapan di dalam pembelajaran bahasa sasaran

Lado (1957:13) pula menyarankan agar mengambilkira tiga persoalan utama apabila melakukan perbandingan sistem bunyi bahasa pertama dan bahasa sasaran. Persoalan-persoalan tersebut adalah: (i) adakah bahasa-bahasa yang dibandingkan mempunyai fonem-fonem yang sama dari segi fonologi?, (ii) adakah variasi-variasi bagi fonem kedua-dua bahasa adalah sama? dan (iii) adakah fonem-fonem tersebut beserta alofon-alofonnya hadir pada lingkungan yang sama?

Mengikut teori analisis kontrastif, unsur-unsur yang mempunyai ciri persamaan antara bahasa pertama dan bahasa sasaran tidak akan menimbulkan masalah kepada pelajar-pelajar tetapi unsur-unsur yang berbeza diramalkan akan menjadi kesulitan kepada para pelajar. Pelajar yang mempelajari sesuatu bahasa asing biasanya cenderung untuk memindahkan bentuk bahasa ibundanya kepada bahasa sasaran yang dipelajarinya. Lado dalam buku yang sama juga, mengatakan bahawa :

*“...individuals tend to transfer the forms and meanings, and the distribution of forms and meanings of their native language and culture to the foreign language and culture-- both productively when attempting to speak the language and to act in the culture, and receptively when attempting to grasp and understand the language and the culture as practiced by natives.”*  
(Lado, 1957:2)

## 6.1. VOKAL

Daripada **Jadual 6.1** , dapat dilihat bahawa BP mempunyai lebih banyak fonem vokal berbanding dengan BM. Semua fonem vokal dan alofon yang terdapat dalam BM juga hadir dalam BP. Sebaliknya fonem-fonem vokal /y, ø, œ, α, ē, œ̃, ã, ã̃/ hanya terdapat di dalam BP. Fonem-fonem vokal yang hadir dalam kedua-dua bahasa adalah terdiri

daripada vokal depan tidak bundar, vokal tengah dan vokal belakang bundar. Perbezaan yang paling jelas antara fonem vokal BM dan BP ialah vokal depan bundar dan vokal nasal. Fonem-fonem vokal ini hanya hadir dalam BP sahaja.

### **6.1.1. Vokal Depan Tidak Bundar**

BM dan BP menunjukkan banyak persamaan dalam penghasilan vokal depan tidak bundar. Semua vokal depan tidak bundar /i, e, ε, a/ yang terdapat dalam BM juga hadir dalam BP. Namun begitu, /ε/ yang merupakan vokal tidak bundar separuh terbuka yang hadir dalam BP sebagai satu fonem merupakan alofon kepada /e/ dalam BM.

Dari segi penyebaran vokal depan tidak bundar pada lingkungan awal kata, didapati bahawa semua vokal BM /i, e, a/ dan vokal-vokal BP /i, ε, a/ dapat hadir dalam suku terbuka dan tertutup. Sebaliknya, vokal /e/ dalam BP hanya dapat hadir dalam suku kata terbuka sahaja. Pada lingkungan akhir kata pula, vokal BM /i/ boleh hadir dalam suku kata terbuka dan tertutup manakala vokal /e/ dan /a/ hanya hadir dalam suku kata akhir tertutup sahaja. Dalam BP, vokal depan tidak bundar dapat hadir dalam suku kata terbuka dan tertutup di akhir kata kecuali vokal /e/ yang hanya hadir dalam suku kata akhir tertutup sahaja.

**Jadual 6.1 : Vokal BM dan BP**

|                  |    | Vokal Oral |            |        |            |          |            | Vokal Nasal |            |        |            |          |            |
|------------------|----|------------|------------|--------|------------|----------|------------|-------------|------------|--------|------------|----------|------------|
|                  |    | Depan      |            | Tengah |            | Belakang |            | Depan       |            | Tengah |            | Belakang |            |
|                  |    | Bundar     | Tak Bundar | Bundar | Tak Bundar | Bundar   | Tak Bundar | Bundar      | Tak Bundar | Bundar | Tak Bundar | Bundar   | Tak Bundar |
| Tertutup         | BM |            | i          |        |            | u        |            |             |            |        |            |          |            |
|                  | BP | y          | i          |        |            | u        |            |             |            |        |            |          |            |
| Separuh tertutup | BM |            | e          |        | ə          | o        |            |             |            |        |            |          |            |
|                  | BP | ø          | e          |        | ə          | o        |            |             |            |        |            |          |            |
| Separuh terbuka  | BM |            | ɛ          |        |            | ɔ        |            |             |            |        |            |          |            |
|                  | BP | œ          | ɛ          |        |            | ɔ        |            | œ̃          | ɛ̃         |        |            | ɔ̃       |            |
| Terbuka          | BM |            |            |        | a          |          |            |             |            |        |            |          |            |
|                  | BP |            | a          |        |            |          | ɑ          |             |            |        |            | ɑ        |            |

*Petunjuk : vokal berwarna merah adalah vokal*

| Bahasa | Vokal | Awal suku kata                    |                                   | Akhir suku kata                 |                               |
|--------|-------|-----------------------------------|-----------------------------------|---------------------------------|-------------------------------|
|        |       | terbuka<br>#V-<br>#CV-            | tertutup<br>#VC-                  | terbuka<br>-CV#                 | tertutup<br>-CVC#             |
| BM     | /i/   | /ikut/<br>ikut                    | /intan/<br>intan                  | /gali /<br>gali                 | /ɟinɟiŋ/<br>jinjing           |
|        | /e/   | /elaʔ/<br>elak                    | /enɛʔ/<br>encik                   | -                               | /puteh/<br>putih              |
|        | /a/   | /asiŋ/<br>asing                   | /antiʔ/<br>antik                  | -                               | /pasar/<br>pasar              |
| BP     | /i/   | /isi/<br>ici<br>“di sini”         | /ivʀes/<br>ivresse<br>“kemabukan” | /ironi/<br>ironie<br>“sindiran” | /iris/<br>iris<br>“anak mata” |
|        | /e/   | /etyd/<br>etude<br>“pelajaran”    | -                                 | /epe/<br>épée<br>“pedang”       | -                             |
|        | /ɛ/   | /ɛRã/<br>errant<br>“berkeliaran”  | /ɛlve/<br>élever<br>“menaikkan”   | /efe/<br>effet<br>“kesan”       | /ãfɛR/<br>enfer<br>“neraka”   |
|        | /a/   | /aby/<br>abus<br>“penyalahgunaan” | /aksɛ/<br>accès<br>“lalu”         | /avɔka/<br>avocat<br>“peguam”   | /bag/<br>bague<br>“cincin”    |

### 6.1.2. Vokal Depan Bundar

Vokal depan bundar /y, ø, œ/ hanya hadir dalam BP. Vokal-vokal ini dihasilkan dengan membundarkan bentuk bibir semasa penghasilannya. Vokal-vokal depan bundar ini tidak terdapat dalam BM. Semua vokal depan dalam BM hanya terdiri daripada vokal tidak bundar. Vokal depan bundar /y/ dan /œ/ hadir pada awal suku kata terbuka dan tertutup. Sebaliknya, vokal /ø/ tidak dapat hadir dalam lingkungan awal kata BP. Pada

lingkungan akhir kata pula, vokal-vokal /y/ dan /ø/ dapat hadir dalam suku kata terbuka dan tertutup, manakala vokal /œ/ pula hanya hadir dalam suku kata tertutup sahaja.

| Bahasa | Vokal | Awal sukukata                        |                               | Akhir sukukata                    |                                     |
|--------|-------|--------------------------------------|-------------------------------|-----------------------------------|-------------------------------------|
|        |       | terbuka<br>#V- / #CV-                | tertutup<br>#VC-              | terbuka<br>-CV#                   | tertutup<br>-CVC#                   |
| BP     | /y/   | /ynik/<br>unique<br>“tunggal”        | /yr3ã/<br>urgent<br>“penting” | /aby/<br>abus<br>“penyalahgunaan” | /ãflyR/<br>enflure<br>“kebengkakan” |
|        | /ø/   | -                                    | -                             | /patø/<br>pâteux<br>“pekat”       | /nøtR/<br>neutre<br>“neutral”       |
|        | /œ/   | /œjad/<br>œillade<br>“kenyitan mata” | /œf/<br>œuf<br>“telur”        | -                                 | /ãpRœR/<br>empereur<br>“maharaja”   |

### 6.1.3. Vokal Tengah

Vokal tengah /ə/ hadir dalam kedua-dua bahasa. Dalam BM, vokal tengah boleh hadir lingkungan awal suku kata terbuka dan tertutup. Manakala pada lingkungan akhir kata, vokal ini hanya hadir dalam suku kata terbuka sahaja. Sebaliknya dalam BP, vokal tengah ini hanya dapat hadir dalam suku kata terbuka sahaja. Kehadiran vokal tengah /ə/ dalam BP boleh digugurkan dalam keadaan-keadaan tertentu. Pengguguran vokal tengah ini juga sering berlaku dalam BM.

| Bahasa | Vokal | Awal suku kata                 |                  | Akhir suku kata      |                   |
|--------|-------|--------------------------------|------------------|----------------------|-------------------|
|        |       | terbuka<br>#V-<br>#CV-         | tertutup<br>#VC- | terbuka<br>-CV#      | tertutup<br>-CVC# |
| BM     | /ə/   | /əmaʔ/<br>emak                 | /əmpat/<br>empat | /lukə /<br>luka      | -                 |
| BP     | /ə/   | /pəze/<br>peser<br>“menimbang” | -                | /mə/<br>me<br>“saya” | -                 |

#### 6.1.4. Vokal Belakang

Vokal belakang yang terdapat dalam BP lebih banyak jumlahnya daripada vokal belakang BM. BP mempunyai empat vokal belakang, manakala BM hanya mempunyai dua sahaja. Vokal-vokal /u/ dan /o/ hadir dalam kedua-dua bahasa tetapi vokal /ɔ/ dan /ɑ/ hanya hadir dalam BP. Dalam BM, [ɔ] hanya hadir sebagai alofon kepada vokal /o/. Kehadirannya dalam perkataan BM tidak membezakan makna. Dari segi penyebarannya dalam kata BM, vokal belakang /u/ dan /o/ dapat hadir dalam suku kata awal terbuka dan tertutup. Manakala pada lingkungan akhir kata pula, vokal /u/ dapat hadir dalam suku kata terbuka, sebaliknya vokal /o/ pula hanya hadir dalam suku kata tertutup. Dalam BP pula, vokal belakang /u/ dan /o/ dapat hadir pada semua lingkungan kata dan dalam suku kata terbuka dan tertutup. Vokal /ɔ/ pula hanya hadir dalam suku kata terbuka dan

tertutup pada lingkungan awal kata sahaja, tetapi pada lingkungan akhir kata, ia hadir dalam suku kata tertutup.

| Bahasa | Vokal | Awal suku kata                     |                                     | Akhir suku kata                     |                                  |
|--------|-------|------------------------------------|-------------------------------------|-------------------------------------|----------------------------------|
|        |       | terbuka<br>#V-<br>#CV-             | tertutup<br>#VC-                    | terbuka<br>-CV#                     | tertutup<br>-CVC#                |
| BM     | /u/   | /udaN/<br>udang                    | /uncaN/<br>uncang                   | /susu /<br>susu                     | -                                |
|        | /o/   | /oraN/<br>orang                    | /ombaʔ/<br>ombak                    | -                                   | /timbol/<br>timbul               |
| BP     | /u/   | /uti/<br>outil<br>“perkakas”       | /uRsĔ/<br>oursin<br>“landak laut”   | /partu/<br>partout<br>“merata-rata” | /mul/<br>moule<br>“remis/ kepah” |
|        | /o/   | /ote/<br>ôter<br>“membuka”         | /ot/<br>haute<br>“tinggi”           | /ʃo/<br>chaud<br>“panas”            | /roz/<br>rose<br>“bunga mawar”   |
|        | /ɔ/   | /ɔbɛʒ/<br>obese<br>“terlalu gemuk” | /ɔbliʒe/<br>obliger<br>“mewajibkan” | -                                   | /pɔR/<br>port<br>“pelabuhan”     |
|        | /ɑ/   | /ɑʒe/<br>âgé<br>“berumur”          | /ɑpR/<br>âpre<br>“kasar”            | /pa/<br>pas<br>“langkah”            | /fRas/<br>phrase<br>“ayat”       |

### 6.1.5. Vokal Nasal

Fonem vokal nasal /ẽ/, /œ̃/, /õ/ dan /ã/ hanya terdapat dalam BP. Kehadiran fonem vokal nasal /ẽ/ dan /œ̃/ pada lingkungan awal dan akhir kata hanya terhad dalam suku kata terbuka sahaja. Manakala vokal nasal /õ/ dapat hadir pada lingkungan awal dan

akhir kata dalam suku kata terbuka dan tertutup. Sebaliknya vokal nasal /ã/ pula dapat hadir dalam suku kata terbuka dan tertutup hanya pada akhir kata sahaja.

| Bahasa | Vokal | Awal sukukata                      |                        | Akhir sukukata                                |                                          |
|--------|-------|------------------------------------|------------------------|-----------------------------------------------|------------------------------------------|
|        |       | terbuka<br>#V-<br>#CV-             | tertutup<br>#VC-       | terbuka<br>-CV#                               | tertutup<br>-CVC#                        |
| BP     | /ẽ/   | /ẽpRime/<br>imprimer<br>“mencetak” | -                      | /õfẽ/<br>enfin<br>“akhirnya”                  | -                                        |
|        | /õ/   | /õ/<br>un<br>“satu”                | -                      | /õpõRtõ /<br>opportun<br>“tepat pada<br>masa” | -                                        |
|        | /õ/   | /õgl(ə)/<br>ongle<br>“kuku”        | /õs/<br>once<br>“auns” | /bõ/<br>bon<br>“baik”                         | /lõ/<br>longe<br>“tali pengikat<br>kuda” |
|        | /ã/   | /ãvi/<br>envie<br>“keinginan”      | -                      | /plã/<br>plan<br>“rancangan”                  | /lãg/<br>langue<br>“lidah”               |

### 6.1.6. Rangkap Vokal

Rangkap vokal merupakan gabungan dua atau lebih vokal dalam satu kata. Rangkap vokal yang terdapat dalam BM adalah agak kurang berbanding dengan rangkap vokal dalam BP. Terdapat 10 rangkap vokal dalam BM dan 18 dalam BP. Rangkap-rangkap vokal BM terdiri daripada rangkap /ia, ua, ui, ue, ae, iu, io, ao, uə, iə/. Rangkap-rangkap vokal ini boleh dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu (i) rangkap vokal depan, (ii) rangkap vokal tengah, dan (iii) rangkap vokal belakang. Manakala rangkap-rangkap

vokal BP pula terdiri daripada rangkap / ai, ei, ɔi, ay, ɔy, ae, ee, ue, uɛ, oe, oɛ, oa, oẽ, au, ao, oo, eɔ, ɔɔ/. Rangkap vokal BP terdiri daripada dua jenis sahaja iaitu, (i) rangkap vokal depan dan (ii) rangkap vokal belakang.

| Bahasa    | Rangkap vokal depan |           |             |                    |
|-----------|---------------------|-----------|-------------|--------------------|
| <b>BM</b> | /ia/                | biasa     | /biasə/     |                    |
|           |                     | teriak    | /təriaʔ/    |                    |
|           | /ua/                | puaka     | /puakə/     |                    |
|           |                     | puak      | /puɑʔ/      |                    |
|           | /ui/                | juita     | /ʒuitə/     |                    |
|           | /ue/                | kuih      | /kueh/      |                    |
|           | /ae/                | naik      | /naeʔ/      |                    |
| <b>BP</b> | /ei/                | pays      | /pei/       | “negara”           |
|           | /ai/                | maïs      | /mais/      | “jagung”           |
|           | /ɔi/                | stoïque   | /stɔik/     | “tabah”            |
|           | /ay/                | ahurir    | /ayRiR/     | “tercengang”       |
|           | /ɔy/                | cohue     | /kɔy/       | “gerombolan”       |
|           | /ae/                | aérogare  | /aeRogar/   | “lapangan terbang” |
|           | /ee/                | agréer    | /agRee/     | “menerima”         |
|           | /ue/                | clouer    | /klue/      | “memaku”           |
|           | /uɛ/                | brouette  | /bRueɛ/     | “kereta sorong”    |
|           | /oe/                | cohesion  | /koezjɔ/    | “kepaduan”         |
|           | /oɛ/                | Noël      | /noel/      | “hari natal”       |
|           | /oa/                | cohabiter | /koabite/   | “tinggal bersama”  |
| /oẽ/      | coincidence         | /koẽsidã/ | “kebetulan” |                    |

| Bahasa    | Rangkap vokal tengah |       |         |
|-----------|----------------------|-------|---------|
| <b>BM</b> | /uə/                 | tua   | /tuə/   |
|           | /iə/                 | selia | /səliə/ |
| <b>BP</b> | -                    |       |         |

| Bahasa    | Rangkap vokal belakang |            |             |                   |
|-----------|------------------------|------------|-------------|-------------------|
| <b>BM</b> | /iu/                   | piutang    | /piutaj/    |                   |
|           |                        | cium       | /cium/      |                   |
|           | /io/                   | radio      | /radio/     |                   |
|           |                        | periuk     | /pəriʊk/    |                   |
|           | /ao/                   | maut       | /maot/      |                   |
| <b>BP</b> | /au/                   | caoutchou  | /kautʃu/    | “getah”           |
|           | /ao/                   | chaos      | /kao/       | “huru-hara”       |
|           | /oo/                   | coauteur   | /kootœR/    | “penulis bersama” |
|           | /eɔ/                   | coléoptère | /kɔleoptɛR/ | “kumbang”         |
|           | /ɔɔ/                   | cohorte    | /kɔɔRt/     | “pasukan”         |

## 6.2. KONSONAN

**Jadual 6.2** menunjukkan perbandingan di antara fonem konsonan BM dan BP. Daripada jadual tersebut, didapati jumlah konsonan dalam BM termasuk konsonan pinjaman adalah lebih banyak berbanding jumlah konsonan dalam BP. BM mempunyai 24 fonem konsonan yang mana 16 fonem merupakan konsonan asli dan 8 konsonan pinjaman. BP pula mempunyai 20 fonem konsonan. Setelah dibuat perbandingan, terdapat 18 fonem konsonan yang hadir dalam kedua-dua bahasa. Konsonan-konsonan tersebut adalah / p, b, t, d, k, g, s, f, v, r, m, n, ŋ, ʃ, w, j /. Fonem konsonan /tʃ/ dan /ʒ/ hanya hadir dalam BP manakala konsonan-konsonan /tʃ, dʒ, ŋ, x, ɣ, h/ pula hanya hadir dalam BM.

**Jadual 6.2 : Konsonan BM dan BP**

|               |    | Dua bibir |     | Gigi |   | Gusi |   | Gusi-Lelangit Keras |    | Lelangit Keras |   | Lelangit Lembut |   | Hentian Glotis |   |
|---------------|----|-----------|-----|------|---|------|---|---------------------|----|----------------|---|-----------------|---|----------------|---|
|               |    | -         | +   | -    | + | -    | + | -                   | +  | -              | + | -               | + | -              | + |
| Letupan       | BM | p         | b   |      |   | t    | d |                     |    |                |   | k               | g |                |   |
|               | BP | p         | b   | t    | d |      |   |                     |    |                |   | k               | g |                |   |
| Letusan       | BM |           |     |      |   |      |   | tʃ                  | dʒ |                |   |                 |   |                |   |
|               | BP |           |     |      |   |      |   |                     |    |                |   |                 |   |                |   |
| Geseran       | BM | f         | v   |      |   | s    | z | ʃ                   |    |                |   | x               | ɣ | h              |   |
|               | BP | f         | v   |      |   | s    | z | ʃ                   | ʒ  |                |   |                 |   |                |   |
| Getaran       | BM |           |     |      |   |      | r |                     |    |                |   |                 |   |                |   |
|               | BP |           |     |      |   |      |   |                     |    |                |   |                 | R |                |   |
| Sisian        | BM |           |     |      |   |      | l |                     |    |                |   |                 |   |                |   |
|               | BP |           |     |      | l |      |   |                     |    |                |   |                 |   |                |   |
| Sengauan      | BM |           | m   |      |   |      | n |                     |    |                | ɲ |                 | ŋ |                |   |
|               | BP |           | m   |      | n |      |   |                     |    |                | ɲ |                 |   |                |   |
| Separuh Vokal | BM |           | w   |      |   |      |   |                     |    |                | j |                 |   |                |   |
|               | BP |           | w ɥ |      |   |      |   |                     |    |                | j |                 |   |                |   |

*Petunjuk : Konsonan berwarna merah adalah konsonan BP*

### 6.2.1 Konsonan Letupan

**Jadual 6.2.1 : Konsonan Letupan BM dan BP**

|           |                | Dua bibir           | Gigi | Gusi                | Gusi-lelangit keras | Lelangit keras | Lelangit lembut | Hentian glotis |
|-----------|----------------|---------------------|------|---------------------|---------------------|----------------|-----------------|----------------|
| <b>BM</b> | Tidak Bersuara | p [p <sup>h</sup> ] |      | t [t <sup>h</sup> ] |                     |                | k               | [ʔ]            |
|           | Bersuara       | b                   |      | d                   |                     |                | g               |                |
| <b>BP</b> | Tidak Bersuara | p                   | t    |                     |                     |                | k               |                |
|           | Bersuara       | b                   | d    |                     |                     |                | g               |                |

Hasil daripada perbandingan selari ini, didapati bahawa semua konsonan letupan yang hadir dalam BM juga hadir dalam BP. Konsonan letupan yang terdapat dalam kedua-dua bahasa tersebut terdiri daripada konsonan /p/, /b/, /t/, /d/, /k/ dan /g/. Konsonan-konsonan letupan tidak bersuara BM mempunyai dua alofon iaitu alofon [p] dan [p<sup>h</sup>] untuk fonem /p/, alofon [t] dan [t<sup>h</sup>] untuk fonem /t/ dan alofon [k] dan [ʔ] untuk fonem /k/. Alofon-alofon tersebut hadir pada lingkungan tertentu sahaja. Selain itu, terdapat perbezaan dari segi daerah artikulasi ketika bunyi-bunyi konsonan letupan [t] dan [d] dikeluarkan. Konsonan [t] dan [d] dalam BM dihasilkan dengan mengangkat lidah ke arah gigi, tetapi dalam BP, lidah dinaikkan ke arah gusi.

Dari segi penyebaran konsonan letupan dalam kata, semua konsonan letupan BP boleh hadir pada lingkungan awal, tengah dan akhir kata. Semua konsonan letupan bersuara /b/, /d/ dan /g/ dalam BM hadir dalam semua lingkungan kata. Manakala konsonan letupan tidak bersuara BM pula mempunyai dua alofon yang hadir pada lingkungan tertentu dalam kata BM. Alofon [p], [t] dan [k] hadir pada awal dan tengah kata, sebaliknya alofon- alofon [p<sup>ʔ</sup>], [t<sup>ʔ</sup>] dan [k<sup>ʔ</sup>] pula hadir pada lingkungan akhir kata.

| Bahasa | Konsonan | Lingkungan                        |                                |                                                       |
|--------|----------|-----------------------------------|--------------------------------|-------------------------------------------------------|
|        |          | Awal kata                         | Tengah kata                    | Akhir kata                                            |
| BM     | /p/      | /paku/<br>paku                    | /sapu/<br>sapu                 | /sajap/<br>sayap                                      |
|        | /b/      | /bəkas/<br>bekas                  | /təbal/<br>tebal               | /səbab/<br>sebab                                      |
|        | /t/      | /təpi/<br>tepi                    | /latar/<br>latar               | /pəkət /<br>pekat                                     |
|        | /d/      | /dagiŋ/<br>daging                 | /pədas/<br>pedas               | /had /<br>had                                         |
|        | /k/      | /kutu/<br>kutu                    | /pəkan/<br>pekan               | /bileʔ/<br>bilik                                      |
|        | /g/      | /gaji/<br>gaji                    | /lagu/<br>lagu                 | /beg /<br>beg                                         |
| BP     | /p/      | /paʒ/<br>page<br>“muka surat”     | /kupe/<br>couper<br>“memotong” | /tap/<br>tape<br>“tepukan di belakang<br>bahu”        |
|        | /b/      | /batiR/<br>bâtir<br>“membina”     | /kaban/<br>cabane<br>“pondok”  | /Rəb/<br>robe<br>“baju gaun”                          |
|        | /t/      | /taba/<br>tabac<br>“tembakau”     | /pəRte/<br>porter<br>“membawa” | /Rat/<br>ratte<br>“tikus betina”                      |
|        | /d/      | /desine/<br>dessiner<br>“melukis” | /Radē/<br>radin<br>“kedekut”   | /eskapad/<br>escapade<br>“lari meninggalkan<br>tugas” |
|        | /k/      | /kəpin/<br>copine<br>“kawan       | /karo/<br>carreau<br>“cermin   | /kək/<br>coq<br>“ayam jantan”                         |

|  |     |                                       |                                      |                            |
|--|-----|---------------------------------------|--------------------------------------|----------------------------|
|  |     | perempuan”                            | tingkap/jubin”                       |                            |
|  | /g/ | /gaR/<br>gare<br>“stesen<br>keretapi” | /baget/<br>baguette<br>“batang kayu” | /bag/<br>bague<br>“cincin” |

### 6.2.2. Konsonan Letusan

**Jadual 6.2.2 : Konsonan Letusan BM dan BP**

|           |                   | Dua<br>bibir | Gigi | Gusi | Gusi-<br>lelangit<br>keras | Lelangit<br>keras | Lelangit<br>lembut | Hentian<br>glotis |
|-----------|-------------------|--------------|------|------|----------------------------|-------------------|--------------------|-------------------|
| <b>BM</b> | Tidak<br>Bersuara |              |      |      | tʃ                         |                   |                    |                   |
|           | Bersuara          |              |      |      | dʒ                         |                   |                    |                   |
| <b>BP</b> | Tidak<br>Bersuara |              |      |      |                            |                   |                    |                   |
|           | Bersuara          |              |      |      |                            |                   |                    |                   |

Daripada **Jadual 6.2.2** didapati bahawa konsonan letusan hanya hadir dalam BM. Dalam sistem fonetik dan fonologi BP tidak terdapat konsonan letusan. Konsonan letusan yang terdiri daripada konsonan /tʃ/ dan /dʒ/ hadir pada awal dan tengah kata dalam perkataan asli BM. Manakala pada lingkungan akhir kata, fonem /tʃ/ dan /dʒ/ hanya terdapat pada perkataan pinjaman sahaja.

| Konsonan | Lingkungan          |                  |                |
|----------|---------------------|------------------|----------------|
|          | Awal                | Tengah           | Akhir          |
| / tʃ /   | / tʃawan/<br>cawan  | /batʃa /<br>baca | /matʃ/<br>mac  |
| / dʒ /   | / dʒalin /<br>jalin | /badʒu /<br>baju | /tʃadʒ/<br>caj |

### 6.2.3. Konsonan Geseran

**Jadual 6.2.3. Konsonan Geseran BM dan BP**

|           |                | Dua bibir | Gigi | Gusi | Gusi-lelangit keras | Lelangit keras | Lelangit lembut | Hentian glotis |
|-----------|----------------|-----------|------|------|---------------------|----------------|-----------------|----------------|
| <b>BM</b> | Tidak Bersuara | f         |      | s    | ʃ                   |                | x               | h              |
|           | Bersuara       | v         |      | z    |                     |                | ɣ               |                |
| <b>BP</b> | Tidak Bersuara | f         |      | s    | ʃ                   |                |                 |                |
|           | Bersuara       | v         |      | z    | ʒ                   |                |                 |                |

BM mempunyai sepuluh fonem konsonan geseran yang kebanyakannya merupakan konsonan pinjaman. Konsonan-konsonan tersebut terdiri daripada konsonan /f, v, s, z, ʃ, x, ɣ, h/. Konsonan-konsonan /s, z, h/ merupakan konsonan asli BM, manakala konsonan-konsonan /f, v, ʃ, x, ɣ/ adalah konsonan geseran pinjaman. BP pula mempunyai enam fonem konsonan geseran yang terdiri daripada konsonan-konsonan /f, v, s, z, ʃ, ʒ/. Hasil daripada perbandingan, didapati bahawa konsonan /f, v, s, z, ʃ/ hadir dalam kedua-dua bahasa. Sebaliknya, konsonan geseran /h, x, ɣ/ hanya hadir dalam BM. Manakala satu fonem konsonan BP tidak terdapat dalam BM, iaitu konsonan /ʒ/.

Konsonan-konsonan geseran BM boleh hadir dalam semua lingkungan kata kecuali fonem konsonan /v/. Konsonan ini hanya hadir pada lingkungan awal dan tengah kata sahaja dalam BM. Semua fonem konsonan geseran BP juga dapat hadir dalam semua lingkungan kata.

| Bahasa | Konsonan | Lingkungan                   |                                |                                     |
|--------|----------|------------------------------|--------------------------------|-------------------------------------|
|        |          | Awal kata                    | Tengah kata                    | Akhir kata                          |
| BM     | /f/      | /faham/<br>faham             | /tafsir/<br>tafsir             | /arif/<br>arif                      |
|        | /v/      | /variasi/<br>variasi         | /aktiviti/<br>aktiviti         | -                                   |
|        | /ʃ/      | /ʃarat/<br>syarat            | /iʃarat/<br>isyarat            | /quraiʃ/<br>quraish                 |
|        | /x/      | /xunsa/<br>khunsa            | /baxil/<br>bakhil              | /tarix/<br>tarik                    |
|        | /ɣ/      | /ɣaib/<br>ghaib              | /mayrib/<br>maghrib            | /mubaliy/<br>mubaligh               |
|        | /z/      | /zaman/<br>zaman             | /nazar/<br>nazar               | /lafaz/<br>lafaz                    |
|        | /s/      | /sikat/<br>sikat             | /lɛsap/<br>lesap               | /bɛras/<br>beras                    |
|        | /h/      | /halus/<br>halus             | /bahu/<br>bahu                 | /panah/<br>panah                    |
| BP     | /f/      | /fwaj/<br>fois<br>“kali”     | /kafaR/<br>cafard<br>“lipas”   | /gaf/<br>gaffe<br>“kesilapan besar” |
|        | /v/      | /vy/<br>vue<br>“penglihatan” | /savõ/<br>asavon<br>“sabun”    | /lav/<br>lave<br>“lahar”            |
|        | /ʃ/      | /ʃɔval/<br>cheval<br>“kuda”  | /aʃte/<br>acheter<br>“membeli” | /etãʃ/<br>étanche<br>“kalis air”    |
|        | /ʒ/      | /ʒwɛ/<br>jouet<br>“mainan”   | /jyʒe/<br>juger<br>“mengadili” | /imaʒ/<br>image<br>“gambar”         |
|        | /s/      | /saʒɛs/<br>saʒɛs             | /pase/<br>pase                 | /lãs/<br>lãs                        |

|  |     |                            |                                              |                               |
|--|-----|----------------------------|----------------------------------------------|-------------------------------|
|  |     | sagesse<br>“kebijaksanaan” | passer<br>“melalui/men<br>ghabiskan<br>masa” | lance<br>“tombak/lembing<br>” |
|  | /z/ | /zɛl/<br>zèle<br>“rajin”   | /beze/<br>baiser<br>“ciuman”                 | /kɑz/<br>case<br>“petak/rak”  |

#### 6.2.4. Konsonan Getaran

**Jadual 6.2.4. : Konsonan Getaran BM dan BP**

|           |          | Dua<br>bibir | Gigi | Gusi | Gusi-<br>lelangit<br>keras | Lelangit<br>keras | Lelangit<br>lembut | Hentian<br>glotis |
|-----------|----------|--------------|------|------|----------------------------|-------------------|--------------------|-------------------|
| <b>BM</b> | Bersuara |              |      | r    |                            |                   |                    |                   |
| <b>BP</b> | Bersuara |              |      |      |                            |                   | R                  |                   |

Konsonan geseran hadir dalam kedua-dua bahasa. Namun begitu terdapat perbezaan dari segi daerah artikulasi konsonan tersebut ketika penghasilannya. Bunyi konsonan [r] dalam BM dihasilkan dengan menaikkan lidah ke arah gusi atas, manakala konsonan [R] dalam BP pula dihasilkan dengan menaikkan lidah ke arah lelangit lembut. Dari segi penyebarannya, konsonan getaran BM dan BP boleh hadir pada awal, tengah dan akhir kata.

| Bahasa    | Konsonan | Lingkungan             |                                 |                                     |
|-----------|----------|------------------------|---------------------------------|-------------------------------------|
|           |          | Awal kata              | Tengah kata                     | Akhir kata                          |
| <b>BM</b> | /r/      | /rodʒaʔ/<br>rojak      | /paret/<br>parit                | /pakar/<br>pakar                    |
| <b>BP</b> | /R/      | /Ry/<br>rue<br>“jalan” | /ERœR/<br>erreur<br>“kesilapan” | /paR/<br>par<br>“dengan(kenderaan)” |

### 6.2.5. Konsonan Sisian

**Jadual 6.2.5. : Konsonan Sisian BM dan BP**

|           |          | Dua bibir | Gigi | Gusi | Gusi-lelangit keras | Lelangit keras | Lelangit lembut | Hentian glotis |
|-----------|----------|-----------|------|------|---------------------|----------------|-----------------|----------------|
| <b>BM</b> | Bersuara |           |      | l    |                     |                |                 |                |
| <b>BP</b> | Bersuara |           | l    |      |                     |                |                 |                |

BM dan BP mempunyai hanya satu konsonan sisian sahaja dalam sistem fonetik dan fonologinya. Terdapat perbezaan dari segi daerah artikulasi ketika penghasilan konsonan ini dalam kedua-dua bahasa. Dalam BM, konsonan [l] dihasilkan dengan menaikkan lidah ke arah gusi tetapi dalam BP, lidah dinaikkan ke arah gigi ketika mengeluarkan bunyi [l] tersebut. Konsonan sisian dalam BM dan BP boleh hadir pada semua lingkungan kata.

| Bahasa    | Konsonan | Lingkungan                  |                                |                          |
|-----------|----------|-----------------------------|--------------------------------|--------------------------|
|           |          | Awal kata                   | Tengah kata                    | Akhir kata               |
| <b>BM</b> | /l/      | /lasaʔ/<br>lasak            | /malu/<br>malu                 | /təbal/<br>tebal         |
| <b>BP</b> | /l/      | /lwe/<br>louer<br>“menyewa” | /kule/<br>couler<br>“mengalir” | /pal/<br>pale<br>“pucat” |

### 6.2.6. Konsonan Nasal

**Jadual 6.2.6. : Konsonan Nasal BM dan BP**

|           |                | Dua bibir | Gigi | Gusi | Gusi-lelangit keras | Lelangit keras | Lelangit lembut | Hentian glotis |
|-----------|----------------|-----------|------|------|---------------------|----------------|-----------------|----------------|
| <b>BM</b> | Tidak Bersuara |           |      |      |                     |                |                 |                |
|           | Bersuara       | m         |      | n    |                     | ɲ              | ŋ               |                |
| <b>BP</b> | Tidak Bersuara |           |      |      |                     |                |                 |                |
|           | Bersuara       | m         | n    |      |                     | ɲ              |                 |                |

BM mempunyai jumlah konsonan nasal yang lebih banyak daripada BP. Konsonan nasal BM terdiri daripada konsonan-konsonan /m, n, ɲ, ŋ/, manakala konsonan nasal BP pula terdiri daripada konsonan-konsonan /m, n, ɲ/. Didapati bahawa konsonan nasal /ŋ/ tidak terdapat dalam BP. Selain itu, terdapat perbezaan dari segi daerah artikulasi ketika konsonan nasal [n] dihasilkan. Konsonan [n]. BM dihasilkan pada daerah gusi, manakala konsonan [n] BP pula dihasilkan pada daerah gigi.

Konsonan-konsonan nasal BM /m, n, ŋ/ hadir dalam semua lingkungan kata tetapi konsonan /ɲ/ hanya hadir pada lingkungan awal dan tengah kata sahaja. Sebaliknya, semua konsonan nasal BP /m, n, ɲ/ boleh hadir dalam semua lingkungan kata, iaitu pada awal, tengah dan akhir kata.

| Bahasa | Konsonan | Lingkungan                |                                   |                                              |
|--------|----------|---------------------------|-----------------------------------|----------------------------------------------|
|        |          | Awal kata                 | Tengah kata                       | Akhir kata                                   |
| BM     | /m /     | /minum/<br>minum          | /bumi/<br>bumi                    | /asam/<br>asam                               |
|        | /n/      | /nasib/<br>nasib          | /panas/<br>panas                  | /idaman/<br>idaman                           |
|        | /ɲ/      | /ɲani/<br>nyanyi          | /səɲum/<br>senyum                 | -                                            |
|        | /ŋ/      | /ŋaŋa/<br>nganga          | /aŋan/<br>angan                   | /pisaŋ/<br>pisang                            |
| BP     | /m/      | /mɛ/<br>main<br>“tangan”  | /abime/<br>abimer<br>“merosakkan” | /ɛstim/<br>estime<br>“rasa hormat”           |
|        | /n/      | /nwaR/<br>noir<br>“hitam” | /panje/<br>panier<br>“bakul”      | /gRɛn/<br>graine<br>“biji benih”             |
|        | /ɲ/      | /ɲõ/<br>gnon<br>“pukulan” | /baɲaR/<br>bagnard<br>“banduan”   | /baɲ/<br>bagne<br>“rumah<br>tahanan/penjara” |

### 6.2.7. Konsonan Separuh Vokal

**Jadual 6.2.7. : Konsonan Separuh Vokal BM dan BP**

|           |                | Dua bibir | Gigi | Gusi | Gusi-lelangit keras | Lelangit keras | Lelangit lembut | Hentian glotis |
|-----------|----------------|-----------|------|------|---------------------|----------------|-----------------|----------------|
| <b>BM</b> | Tidak Bersuara |           |      |      |                     |                |                 |                |
|           | Bersuara       | w         |      |      | j                   |                |                 |                |
| <b>BP</b> | Tidak Bersuara |           |      |      |                     |                |                 |                |
|           | Bersuara       | w    ɥ    |      |      | j                   |                |                 |                |

Konsonan-konsonan /w, j/ merupakan konsonan separuh vokal BM, manakala konsonan separuh vokal BP pula terdiri daripada konsonan-konsonan /w, ɥ, j/. Ini menunjukkan bahawa konsonan /ɥ/ tidak hadir dalam BM. Konsonan-konsonan separuh vokal /w, j/ dalam BM dan konsonan /w, ɥ/ dalam BP boleh hadir dalam lingkungan awal dan tengah kata sahaja sebaliknya konsonan /j/ dalam BP boleh hadir dalam semua lingkungan kata.

| Bahasa    | Konsonan | Lingkungan                 |                                         |                                             |
|-----------|----------|----------------------------|-----------------------------------------|---------------------------------------------|
|           |          | Awal kata                  | Tengah kata                             | Akhir kata                                  |
| <b>BM</b> | /w /     | /wajaŋ/<br>wayang          | /lawan/<br>lawan                        | -                                           |
|           | /j/      | /jaŋ/<br>yang              | /bajaŋ/<br>bayang                       | -                                           |
| <b>BP</b> | /w/      | /wa/<br>oie<br>“angsa”     | /pwaRo/<br>poireau<br>“daun bawang/lik” | -                                           |
|           | /ɥ/      | /ɥil/<br>huîle<br>“minyak” | /plɥi/<br>pluie<br>“hujan”              | -                                           |
|           | /j/      | /jɛR/<br>hier<br>“semalam” | /ljø/<br>lieu<br>“tempat”               | /fij/<br>fille<br>“anak<br>perempuan/gadis” |

### 6.2.7. Rangkap Konsonan

Kehadiran rangkap konsonan dalam BM agak terhad berbanding dengan BP. Dalam kata asli BM, rangkap konsonan hanya hadir pada perkataan yang mengalami pengguguran bunyi [ə]. Rangkap konsonan ini hanya hadir pada lingkungan awal kata sahaja. Rangkap konsonan /pr, pl, br, bl, tr, tl, dʒr, dʒl, kr, kl, gr, gl/ ini dibentuk daripada gabungan bunyi konsonan letupan dan konsonan likuida. Sebaliknya dalam kata pinjaman, rangkap konsonannya tidak hanya terhad kepada gabungan konsonan letupan dan konsonan likuida sahaja tetapi juga konsonan-konsonan lain. Rangkap konsonan yang terdapat dalam kata pinjaman terdiri daripada rangkap-rangkap /dr, pr, pl, gr, st, fl, kl, tr, nk, ns, sl, sk, skr, mpl/.

Manakala dalam BP pula, jumlah rangkap konsonan agak banyak berbanding dengan BM. Rangkap konsonan BP boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu rangkap konsonan oral-oral dan rangkap konsonan oral-sengau. Rangkap konsonan oral-oral BP terdiri daripada rangkap /pR, bR, tR, dR, kR, gR, pl, bl, kl, gl, ps, tʃ, ks, Rb, Rd, Rt, fR, vR, Rs, Rv, Rʒ, fl, sl, st, sp, lp, lb, lt, lk, lv, ls/ manakala rangkap konsonan oral-nasal pula terdiri daripada rangkap /pn, gn, sm/.

Hasil daripada perbandingan ini didapati bahawa rangkap-rangkap /tl, dʒr, dʒl/ tidak hadir dalam BP. Sebaliknya, BM pula tidak mempunyai rangkap-rangkap /ps, tʃ, ks, Rb, rd, Rt, fR, vR, Rs, Rv, Rʒ, sl, sp, lp, lb, lt, lk, lv, ls, pn, gn, sm/. Ini menunjukkan bahawa rangkap konsonan yang terdapat dalam BP lebih banyak berbanding dengan BM.

### **6.3. RAMALAN MASALAH**

Hasil daripada analisis kontrastif yang telah dijalankan, beberapa masalah diramalkan akan dihadapi oleh pelajar-pelajar Melayu yang mempelajari BP. Perbezaan-perbezaan yang terdapat antara fonem-fonem BM yang merupakan bahasa ibunda pelajar dengan fonem-fonem BP yang merupakan asing diramalkan akan menimbulkan masalah dalam pembelajaran BP oleh pelajar-pelajar Melayu.

Pelajar-pelajar Melayu dijangkakan akan menghadapi kesulitan dalam penyebutan bunyi vokal, rangkap vokal, konsonan dan rangkap konsonan yang tidak terdapat dalam

BM. Selain daripada ketidakhadiran sesuatu fonem di dalam L1 atau L2 pelajar, penyebaran fonem dalam kata dan gangguan dari L1 atau L2 pelajar juga diramalkan akan menjadi masalah kepada para pelajar Melayu.

Daripada AK yang telah dijalankan, ramalan masalah ini dapat disusun mengikut hirarki kesulitan daripada yang paling sukar kepada yang yang paling mudah seperti berikut:-

1. masalah rangkap
2. masalah fonetik
3. masalah alofonik
4. masalah penyebaran bunyi

### **6.3.1. Masalah Rangkap**

Rangkap vokal dan rangkap konsonan dalam BP turut diramalkan akan menjadi kesulitan kepada pelajar-pelajar Melayu. Rangkap vokal dan rangkap konsonan BP yang lebih kompleks daripada rangkap BM boleh mengganggu penguasaan bahasa oleh pelajar Melayu apabila mempelajari BP.

#### ***6.3.1.1 Rangkap Vokal***

Rangkap vokal yang dibentuk hasil gabungan vokal-vokal yang tidak terdapat dalam BM diramalkan akan menjadi kesulitan kepada para pelajar. Pelajar-pelajar mungkin akan menghadapi masalah dalam penyebutan rangkap-rangkap [ay], [ɔy] dan [ɔẽ] kerana vokal kedua yang membentuk rangkap-rangkap tersebut tidak hadir dalam BM. Para pelajar

diramalkan akan menggantikan bunyi vokal kedua bagi rangkap [ay] dan [ɔy] yang terdiri daripada vokal depan bundar dengan vokal belakang bundar [u]. Manakala bagi rangkap [ɔẽ] pula, vokal nasal [ẽ] akan disebut mengikut ejaannya iaitu *in* tanpa bunyi nasal.

### **6.3.1.2. *Rangkap Konsonan***

Rangkap konsonan yang terdapat dalam BP lebih banyak jumlahnya daripada rangkap konsonan BM. Oleh yang demikian diramalkan bahawa para pelajar Melayu mungkin akan menghadapi masalah di dalam penyebutan rangkap konsonan BP. Rangkap-rangkap konsonan yang tidak hadir dalam BM iaitu rangkap-rangkap [tʃ], [Rb], [Rd], [Rt], [vR], [Rs], [Rv], [Rʒ], [lp], [lb], [lt], [lk], [lv], [ls], [pn], [gn] dan [sm] mungkin akan menimbulkan masalah kepada para pelajar. Namun begitu, bagi pelajar-pelajar Melayu yang menguasai bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua, sesetengah rangkap konsonan BP tersebut tidak akan menjadi kesulitan kepada mereka. Ini kerana sebahagian daripada rangkap-rangkap tersebut juga wujud dalam bahasa Inggeris.

## **6.3.2. Masalah Fonetik**

### **6.3.2.1. *Vokal***

Daripada analisis yang dijalankan didapati bahawa BP mempunyai jumlah vokal oral dan vokal nasal yang lebih banyak berbanding dengan BM. Vokal [y], [ɔ], [ø], [ɑ], [ẽ], [œ], [õ], [ã] yang hanya hadir dalam BP mungkin akan menyebabkan timbul masalah sebutan kepada pelajar-pelajar Melayu.

### Vokal depan bundar

Vokal depan bundar [y], [ø] dan [œ] ini tidak hadir dalam BM. Oleh yang demikian diramalkan bahawa para pelajar Melayu yang mempelajari BM akan menghadapi masalah untuk mengeluarkan bunyi-bunyi tersebut. Bagi menyelesaikan masalah ini, mereka akan menggantikan bunyi-bunyi vokal depan bundar ini dengan bunyi-bunyi vokal yang hampir sama dari cara sebutan bunyi tersebut

Pelajar-pelajar Melayu mungkin akan menggantikan bunyi vokal depan bundar tertutup [y] dengan bunyi dengan vokal belakang tertutup [u]. Bunyi [u] mungkin lebih kerap disebut bagi menggantikan bunyi [y] berbanding dengan bunyi [i] berdasarkan persamaan bentuk bibir apabila bunyi vokal ini diujarkan. Para pelajar dapat melihat bahawa bentuk bibir dibundarkan apabila bunyi [y] dikeluarkan. Walaupun daerah artikulasi bunyi vokal [y] melibatkan bahagian depan lidah, para pelajar tidak dapat melihatnya secara jelas berbanding dengan bentuk bibir ketika bunyi tersebut dihasilkan.

Manakala bagi bunyi vokal depan bundar separuh tertutup [ø] pula, para pelajar mungkin akan menggantikannya dengan bunyi vokal belakang [o]. Ini juga mungkin berlaku diakibatkan oleh bentuk bibir yang terlibat ketika bunyi [ø] dikeluarkan. Para pelajar dapat melihat bahawa terdapat persamaan bentuk bibir apabila bunyi depan bundar tersebut dihasilkan.

Para pelajar Melayu diramalkan juga akan menghadapi masalah untuk menghasilkan bunyi vokal depan bundar separuh terbuka [œ]. Para pelajar mungkin akan menggantikan bunyi tersebut dengan bunyi vokal yang hampir sama dengannya dari segi

cara artikulasi atau daerah artikulasi. Bunyi vokal [œ] lebih hampir dengan bunyi [o] dalam BM dari segi bentuk bibir ketika bunyi tersebut dikeluarkan. Oleh itu para pelajar diramalkan akan menggantikan bunyi [œ] yang terdapat dalam perkataan BP dengan vokal [o].

#### Vokal belakang tidak bundar terbuka

Vokal belakang bundar [ɔ] hanya terdapat dalam BP. Memandangkan vokal [ɑ] tidak terdapat dalam BM, maka diramalkan bahawa para pelajar Melayu yang mempelajari BP akan menggantikan bunyi tersebut dengan bunyi yang hampir sama dengannya yang terdapat dalam BM. Bunyi vokal yang hampir sama yang mungkin akan dihasilkan oleh pelajar-pelajar Melayu apabila menyebut perkataan BP yang mengandungi vokal [ɔ] ialah bunyi vokal depan terbuka [a]. Bunyi vokal [a] hampir sama dengan cara pengeluaran bunyi vokal [ɑ] dari segi darjah keterbukaan mulut ketika bunyi-bunyi tersebut dihasilkan. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar Melayu berkemungkinan akan turut menggantikan bunyi vokal belakang bundar dengan bunyi vokal depan bundar.

#### Vokal nasal

BM tidak mempunyai sebarang bunyi vokal nasal. Oleh itu para pelajar Melayu diramalkan akan menghadapi masalah untuk menghasilkan bunyi vokal nasal apabila mempelajari BP. Di samping itu, setiap bunyi dalam perkataan BM diwakili oleh satu grafem. Sebaliknya dalam BP, satu bunyi boleh diwakili oleh beberapa grafem dan kebanyakan bunyi vokal nasal diwakili oleh sekurang-kurangnya dua grafem. Keadaan ini akan mengakibatkan pelajar-pelajar Melayu menyebut perkataan BP mengikut ejaannya.

Contohnya perkataan BP [ɛ̃sidã] dieja *incident*. Dalam perkataan tersebut, grafem *in* mewakili bunyi vokal nasal [ɛ̃] dan *ent* mewakili bunyi nasal [ã]. Disebabkan keadaan ini, para pelajar Melayu yang kebanyakannya menguasai bahasa Inggeris akan cenderung menyebut perkataan-perkataan sebegini mengikut sebutan bahasa Inggeris tanpa dinasalkan vokal-vokal nasal tersebut.

### 6.3.2.2. *Konsonan*

Hasil daripada analisis yang dijalankan didapati bahawa terdapat dua bunyi konsonan BP yang berbeza dengan BM iaitu konsonan [ʒ] dan [ɥ]. Konsonan-konsonan ini tidak hadir dalam sistem fonetik dan fonologi BM. Oleh yang demikian ianya diramalkan akan menimbulkan masalah sebutan kepada para pelajar Melayu yang mempelajari BP.

Para pelajar mungkin akan menggantikan bunyi konsonan geseran gusi-lelangit keras [ʒ] tersebut dengan bunyi hampir sama iaitu bunyi letupan gusi-lelangit keras [dʒ] yang dikeluarkan pada daerah artikulasi yang sama. Selain itu, keadaan ini mungkin juga berlaku kerana grafem yang mewakili bunyi [dʒ] dalam BM adalah sama dengan grafem yang mewakili bunyi [ʒ] dalam BP iaitu grafem *j*. Namun begitu para pelajar Melayu yang menguasai bahasa Inggeris diramalkan tidak akan mengalami masalah kerana bunyi [ʒ] juga hadir dalam bahasa Inggeris, contoh dalam perkataan *pleasure* [plɛʒə] dan *measure* [mɛʒə].

Konsonan separuh vokal [ɥ] yang hanya terdapat dalam BP juga diramalkan akan menjadi kesulitan kepada pelajar-pelajar Melayu. Fonem separuh vokal [ɥ] ini akan

menjadi masalah kepada semua pelajar termasuk pelajar yang menguasai bahasa Inggeris kerana bunyi ini juga tidak terdapat dalam bahasa Inggeris. Para pelajar mungkin akan menggantikan bunyi [ɥ] tersebut dengan rangkap vokal [ui]. Pelajar mungkin menyebut perkataan *pluie* [plɥi] sebagai \*[plui], *appui* [apɥi] sebagai \*[apui]

Bunyi-bunyi yang hadir dalam kedua-dua bahasa tetapi pada daerah artikulasi yang berbeza juga diramalkan akan menimbulkan masalah kepada pelajar. Daripada jadual di atas, kita dapati bahawa bunyi konsonan getaran, bunyi [R] yang terdapat dalam BP dikeluarkan dengan menaikkan lidah ke arah lelangit lembut, manakala bunyi konsonan getaran [r] dalam BM pula dihasilkan dengan menaikkan lidah ke arah gusi. Disebabkan perbezaan ini, para pelajar lebih cenderung mengujarkan perkataan BP yang mempunyai bunyi [R] dengan bunyi [r].

Daripada **Jadual 6.2**, kita dapat melihat bahawa terdapat perbezaan dari segi daerah artikulasi dalam pengeluaran bunyi konsonan [t] dan [d] BP. Bunyi konsonan letupan [t] dan [d] BP dihasilkan dengan menaikkan lidah ke arah bahagian gigi atas, manakala konsonan [t] dan [d] BM pula dihasilkan dengan menaikkan lidah ke arah gusi. Selain itu, bunyi-bunyi konsonan [l] dan [n] juga dihasilkan pada daerah artikulasi yang berbeza antara BM dan BP. Namun begitu, perbezaan daerah artikulasi bunyi-bunyi tersebut diramalkan tidak akan menimbulkan masalah besar kepada pelajar-pelajar Melayu kerana daerah artikulasi yang terlibat tidak banyak berbeza dengan daerah artikulasi yang terlibat ketika bunyi-bunyi tersebut dihasilkan dalam BM kecuali untuk bunyi [R].

### **6.3.3. Masalah Penyebaran Bunyi Dalam Kata**

Bunyi-bunyi tertentu yang terdapat dalam kedua-dua bahasa yang hadir pada lingkungan yang berbeza juga boleh menimbulkan masalah dalam pembelajaran bahasa sasaran. Bunyi [ɲ] dan [j] hadir dalam BM dan BP tetapi dalam BM, bunyi-bunyi tersebut hanya hadir pada lingkungan awal dan tengah kata sahaja. Sebaliknya dalam BP, bunyi-bunyi tersebut dapat hadir dalam lingkungan awal, tengah dan akhir kata. Ketidakhadiran bunyi-bunyi ini pada lingkungan akhir kata BM diramalkan akan menjadi kesulitan kepada pelajar apabila menyebut perkataan-perkataan BP yang mengandungi bunyi-bunyi tersebut di akhir kata. Pelajar-pelajar Melayu berkemungkinan besar akan menggugurkan bunyi tersebut di akhir kata atau juga mungkin akan menyebut mengikut ejaannya.

Selain daripada bunyi-bunyi [ɲ] dan [j], kehadiran bunyi getaran [R] pada lingkungan akhir kata dalam BP juga akan menimbulkan masalah kepada pelajar Melayu. Walaupun bunyi getaran [r] dalam BM hadir pada lingkungan akhir kata, tetapi kebiasaannya bunyi ini digugurkan dalam pertuturan seharian orang Melayu. Oleh yang demikian apabila mempelajari BP, para pelajar juga berkemungkinan akan menggugurkan bunyi getaran [R] pada akhir kata.

### **6.3.4. Masalah Alofonik**

Fonem letupan bersuara /p/, /t/, /k/ BM mempunyai sekurang-kurangnya dua alofon yang hadir pada lingkungan tertentu. Bunyi [p], [t] dan [k] hadir pada lingkungan awal dan tengah kata. Sebaliknya pada lingkungan akhir kata BM bunyi [p] dan [t] disebut [p<sup>h</sup>] dan

[t<sup>h</sup>] iaitu tanpa aspirasi. Manakala /k/ pula digantikan dengan bunyi hentian glotis [ʔ] pada akhir kata. Pelajar-pelajar diramalkan akan menyebut perkataan yang berakhir dengan bunyi letupan tidak bersuara /p/ dan /t/ tanpa diaspirasikan dan juga /k/ disebut sebagai hentian glotis [ʔ].

#### **6.4. KESIMPULAN**

Hasil daripada perbandingan yang dibuat antara sistem fonetik dan fonologi BM dan BP, didapati bahawa terdapat persamaan dan perbezaan fonem-fonem segmental antara kedua-dua bahasa. Jumlah fonem konsonan BM adalah lebih banyak daripada BP. Keadaan ini diramalkan tidak akan banyak menimbulkan masalah kepada para pelajar Melayu yang mempelajari BP. Sebaliknya, dari segi jumlah fonem vokal yang dibandingkan antara kedua-dua bahasa, BP menunjukkan jumlah fonem vokal yang lebih banyak daripada BM. Ketiadaan fonem-fonem vokal tertentu dalam BM diramalkan akan menimbulkan banyak masalah kepada pelajar-pelajar Melayu apabila menyebut perkataan-perkataan BP.

Selain daripada masalah yang berkaitan dengan fonem-fonem segmental, ketidakhadiran sesuatu ciri suprasegmental dalam BM juga boleh menimbulkan masalah kepada para pelajar di dalam pembelajaran bahasa sasaran. Persendian yang merupakan salah satu ciri suprasegmental yang penting dalam BP juga diramalkan akan menjadi salah satu kesulitan kepada para pelajar Melayu apabila mempelajari BP. Ketiadaan persendian dalam BM akan menyebabkan pelajar-pelajar Melayu menghadapi kesulitan di dalam penggunaannya. Tambahan pula terdapat syarat-syarat tertentu yang menetapkan di mana

persendian wajib ada, pilihan dan tidak boleh ada. Keadaan ini akan menyukarkan lagi proses pembelajaran BP oleh para pelajar Melayu.

Masalah di dalam penyebutan bunyi BP juga boleh diakibatkan oleh sistem ejaan BP. BP mempunyai 16 vokal, 17 konsonan dan 3 separuh vokal yang diwakili oleh lebih daripada 130 bentuk ejaan. Satu bunyi BP boleh diwakili oleh beberapa bentuk ejaan. Kepelbagaian bentuk ejaan yang digunakan untuk mewakili sesuatu bunyi juga diramalkan akan menimbulkan kesulitan di dalam pembelajaran BP oleh pelajar-pelajar Melayu. Sistem ejaan perkataan BP boleh menyebabkan timbul kekeliruan di dalam sebutannya kerana perkataan dalam BM disebut mengikut ejaan dan satu bunyi biasanya diwakili oleh satu huruf sahaja. Oleh yang demikian, faktor ini perlu diberi perhatian dan pertimbangan oleh para guru di dalam pengajaran bunyi-bunyi BP kepada pelajar-pelajar Melayu.